

Memelihara kedaulatan undang-undang harus menjadi keutamaan dalam menghadapi cabaran pandemic

Astro Awani

05 Mei 2021

Dr Hafidz Hakimi Haron

SEJAK kebelakangan ini penguatkuasaan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan dengan Covid-19 hangat diperdebatkan di media sosial dikalangan wargamaya. Walaupun ramai yang bersetuju ianya perlu dilaksanakan dengan tegas dan tanpa kompromi, namun tidak kurang juga yang mempertikaikan malah mempersoalkan metode penguatkuasaannya. Hal ini kerana, ada yang mendakwa bahawa penguatkuasaan SOP dan undang-undang yang berkaitan dengan Covid-19 kadangkala dilihat sebagai berat sebelah, ataupun tidak berkadaran dengan kesalahan yang dilakukan. Tuduhan-tuduhan sebegini, samada berasas ataupun sebaliknya, tidak seharusnya timbul sekiranya semua pihak; masyarakat ataupun penguatkuasa undang-undang memahami konsep Kedaulatan Undang-Undang, atau Rule of Law secara menyeluruh.

Apa itu Kedaulatan Undang-Undang?

Apa yang menariknya, iaitu berbeza dengan fahaman umum, Kedaulatan Undang-Undang bukanlah sebuah peraturan (Rule) ataupun undang-undang (Law), namun ia adalah sebuah komponen falsafah utama didalam undang-undang, khususnya undang-undang perlembagaan. Kepentingan konsep ini dinegara kita dijunjung begitu tinggi, sehingga ianya diiktiraf sebagai salah satu prinsip didalam Rukunegara. Secara mudahnya, konsep Kedaulatan Undang-Undang menuntut kepatuhan dan keterikatan terhadap undang-undang, tanpa mengira darjat atau latarbelakang; samada rakyat kebanyakan mahupun pemerintah.

Konsep Kedaulatan Undang-Undang bukanlah sesuatu yang baharu malahan mula dibicarakan sejak di zaman kegemilangan tamadun Greek dan Rom lagi. Salah seorang pemikir Greek purba yang terkemuka, Aristotle misalnya, berpendapat bahawa kuasa pemerintah haruslah tertakluk kepada undang-undang, sama seperti rakyat kebanyakan yang lain. Aristotle juga menambah bahawa, sekiranya pemerintah

tersebut memiliki keistimewaan atau kuasa yang lebih daripada rakyatnya, maka pemerintah itu haruslah menjadi pelindung kepada undang-undang negara tersebut. Walaupun konsep ini telah pun dibangunkan sejak di zaman Greek purba lagi, namun yang demikian, ia dipopularkan semula oleh ahli falsafah perlembagaan terbilang British, A.V Dicey. Didalam karya beliau, 'Introduction to Study of the Law of Constitution' (1885), A.V Dicey telah menggariskan bahawa Kedaulatan Undang-Undang mempunyai tiga elemen asas, iaitu pertama, kuasa menghukum tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya, kedua, kesamarataan didalam pelaksanaan undang-undang, dan akhir sekali, melindungi hak asasi manusia adalah sebahagian daripada memenuhi konsep Kedaulatan Undang-Undang.

Konsep-konsep asas yang digariskan oleh A.V Dicey seterusnya dibangunkan dan dikembangkan oleh sarjana-sarjana yang terkemudian. Ini termasuklah oleh Joseph Raz, dimana menurut beliau, bagi memenuhi kriteria undang-undang yang berdaulat, undang-undang itu sendiri haruslah tidak mendiskriminasi dan tidak bersifat retrospektif, iaitu tidak memberi kesan kebelakang. Beliau turut menambah bahawa badan kehakiman haruslah bersifat bebas, dan mudah diakses oleh segenap lapisan masyarakat. Beliau juga turut menekankan bahawa undang-undang haruslah bersifat stabil dan tidak mudah untuk diubah-ubah, malah peluang untuk membela diri daripada apa-apa pertuduhan haruslah diberikan secara saksama. Disamping itu, pemakaian prinsip semakan kehakiman juga adalah penting bagi melindungi hak asasi manusia daripada dicabuli.

Sarjana Undang-Undang tempatan, Professor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi turut menambah bahawa, bagi menepati kriteria Kedaulatan Undang-Undang yang sempurna, sesebuah undang-undang bukan sahaja perlu digubal dan dikuatkuasakan secara sah, malah undang-undang itu sendiri perlulah bersifat adil. Tambah beliau, walaupun budibicara eksekutif dibenarkan, namun ianya haruslah dikawal dan tidak boleh melampaui batasan perundangan tertentu. Keadilan sosio-ekonomi juga harus diberikan perhatian, dan pemerintah juga haruslah berkeupayaan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang secara efektif.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan konsep Kedaulatan Undang-Undang secara khusus, namun, elemen-elemen konsep tersebut diterjemahkan secara am melalui beberapa peruntukan dibawah Perlembagaan tersebut. Perkara 4(1) misalnya, adalah asas kepada konsep Kedaulatan Undang-Undang didalam Perlembagaan dimana ia menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi negara, dan mana-mana undang-undang yang tidak selari

dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah. Ini telah disebut secara jelas didalam kes *Ah Thian v. Kerajaan Malaysia* dimana mahkamah menegaskan bahawa badan penggubal undang-undang, (walaupun mempunyai kuasa yang besar), samada Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, tetap tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Dalam pada itu, Perkara 7 turut menegaskan bahawa undang-undang haruslah bersifat kedepan atau prospektif, manakala Perkara 8(1) memberi jaminan kesamarataan terhadap semua individu disisi undang-undang. Perkara 43(4) pula mendukung konsep Kedaulatan Undang-Undang dengan menekankan prinsip kebertanggungjawaban kerajaan kepada Parlimen. Manakala, Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan, secara langsung dan tidak langsung menjamin bidangkuasa serta kebebasan badan kehakiman.

Kedaulatan Undang-Undang Dan Cabaran Pandemik

Menurut seorang ahli falsafah Rom, Cicero, kebahagiaan sesuatu masyarakat itu bergantung kepada ketaatan setiap individu terhadap undang-undang. 'Setiap individu' yang dimaksudkan sudah tentu meliputi segenap pelusuk masyarakat atau kelas sosial, samada dari kalangan pemimpin, penguatkuasa undang-undang, mahupun rakyat kebanyakan. Oleh itu konsep kedaulatan undang-undang yang menyamaratakan layanan buat semua golongan tanpa kompromi adalah tunjang utama dalam memastikan segala peraturan yang berkaitan dipatuhi, sekaligus membantu usaha-usaha kerajaan dalam memerangi pandemik Covid-19. Soal pilih kasih atau ketidaktelusan dalam penguatkuasaan tidak seharusnya timbul sekiranya konsep Kedaulatan Undang-Undang dihayati sepenuhnya. Selain itu, walaupun undang-undang harus dilaksanakan secara tegas, namun ianya perlulah dilakukan secara berhikmah. Begitu juga dengan ruang untuk rayuan terhadap hukuman, dimana ia haruslah disediakan dengan secukupnya, bahkan hukuman yang dikenakan mestilah munasabah dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ketelusan dan kesaksamaan pihak berwajib dalam menguatkuasakan peraturan-perturan berkaitan akan seterusnya membina keyakinan rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan dalam menghadapi cabaran pandemik.

Di samping itu, penulis juga ingin menegaskan bahawa kebertanggungjawaban untuk memastikan bahawa undang-undang dilaksanakan secara adil dan saksama bukan sahaja terletak di tangan pemerintah dan penguatkuasa sahaja, malah pada rakyat itu sendiri. Dari segi ini, rakyat boleh memainkan peranan dengan memberikan maklum balas yang membina kepada kerajaan dan juga penguatkuasa undang-undang bagi memastikan penguatkuasaannya berjalan dengan lancar. Sekiranya ada salah laku

dalam urusan penguatkuasaan, maka adalah menjadi kewajiban sebagai rakyat yang bertanggungjawab untuk melaporkannya kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk tindakan lanjut yang sewajarnya. Pada waktu yang sama, rakyat juga perlu menghindarkan diri daripada memberikan kritikan yang tidak membina dan kritikan-kritikan yang merosakkan (*destructive criticism*) khususnya di media sosial, oleh kerana ia mampu melemahkan moral masyarakat, khususnya dikalangan barisan hadapan dalam menghadapi cabaran pandemik ini. Sementara itu, rakyat juga haruslah memainkan peranan untuk sentiasa patuh dan peka terhadap segala peraturan dan arahan yang ditetapkan.

Kesefahaman, Kerjasama Dan Kita Jaga Kita

Keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan SOP berkaitan dengan pandemik bukan sahaja adalah tanggungjawab kerajaan, malah memerlukan kerjasama semua pihak yang terbabit. Mana-mana kesilapan dan kelemahan yang berlaku dalam penguatkuasaan undang-undang, sekiranya ada; haruslah dipelajari dan diinsafi, seterusnya diperbaiki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya di masa yang mendatang. Dalam pada masa yang sama, penulis juga ingin mengusulkan agar undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai Covid-19 disemak semula bagi mengelakkan timbulnya persepsi negatif khususnya dikalangan rakyat kebanyakan bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pandemik Covid-19 adalah bersifat kurang sesuai atau menekan. Penulis berpendapat bahawa semakan semula ini adalah satu keperluan, apatah lagi tatkala rakyat sedang terdesak dan bergelut dengan kesan langsung pandemik Covid-19. Seterusnya, mekanisme pematuhan yang bersifat bukan perundangan juga haruslah digiatkan dan digerakkan seiring dengan penguatkuasaan undang-undang. Misalnya, pendidikan mengenai pencegahan jangkitan Covid-19 yang berterusan serta dialog diantara semua pemegang taruh, samada pemimpin, agensi penguatkuasa, dan rakyat adalah penting bagi memupuk kesefahaman dan kesatuan dalam memerangi pandemik Covid-19.

Oleh itu, penghayatan terhadap Kedaulatan Undang-Undang adalah kunci utama dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19. Kontroversi-kontroversi yang tidak sepatutnya timbul, seperti pendekatan *dwistandard* dalam pelaksanaan undang-undang mahupun SOP berkaitan dengan Covid-19 samada terbukti mahupun sebaliknya, hanya akan membina perasaan prasangka terhadap pihak berwajib, sekaligus boleh merencatkan usaha bersama dalam membasmi pandemik ini. Sebagai penutup, izinkan penulis untuk memetik kata-kata Lord Hewart didalam kes *R v Sussex Justices, ex parte McCarthy*, "... keadilan bukan sahaja harus ditegakkan,

tetapi secara nyata dan tanpa apa-apa keraguan dilihat ia ditegakkan.(justice should not only be done, but should manifestly and undoubtedly be seen to be done) ”.

**© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/memelihara-kedaulatan-undangundang-harus-menjadi-keutamaan-dalam-menghadapi-cabaran-pandemik-296549>